



PENGERUSI JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
MERANGKAP AHLI PARLIMEN ROMPIN
PEJABAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN MALAYSIA, JALAN PARLIMEN
50680 KUALA LUMPUR

Tel : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)
Faks : 03-2698 9218
Email : pacparlimen@parlimen.gov.my
Laman Web : <http://www.parlimen.gov.my/pac>



15 Mac 2018

**Kenyataan Media YB Dato' Sri Hasan Arifin, Pengerusi Jawatankuasa
Kira-Kira Wang Negara (PAC) Parlimen Berhubung Pembentangan
Laporan PAC Parlimen Pengurusan Sekatan Perjalanan Ke Luar Negara
Di Bawah Kementerian Kewangan (MoF) dan Lembaga Hasil Dalam
Negeri (LHDN).**

- 1) PAC Parlimen hari ini, membentangkan Laporan PAC berhubung Pengurusan Sekatan Perjalanan Ke Luar Negara di bawah Kementerian Kewangan (MoF) dan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).
- 2) Isu ini adalah penemuan Jabatan Audit Negara (JAN) dalam pembentangan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2015 Siri 2 yang dibentangkan di Parlimen pada 21 November 2016.
- 3) PAC Parlimen mengadakan Mesyuarat Prosiding berhubung isu ini, pada 27 Mac 2017 dengan memanggil Ketua Setiausaha Perbendaharaan yang diwakili Datuk Siti Zauyah Md Desa, Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan dan Datuk Sabin Samitah, Ketua Pegawai Eksekutif LHDN bagi menjelaskan isu yang dibangkitkan JAN.

- 4) Dalam Mesyuarat Prosiding berkenaan, ahli-ahli PAC Parlimen membangkitkan isu-isu seperti berikut:
- i) Tindakan Guaman Sivil Belum Diambil;
 - ii) Pelepasan Sementara Diluluskan Sebelum Bayaran Permulaan Diterima;
 - iii) Kegagalan Bayaran Ansuran Bagi Pembayar Cukai Yang Diluluskan Pelepasan Sementara; dan
 - iv) Kegagalan Majikan Menyelesaikan Tunggakan Cukai Pekerja Yang Meninggalkan Malaysia.

- 5) Berdasarkan Mesyuarat Prosiding berkenaan, PAC Parlimen merumuskan bahawa:

PAC Parlimen secara umumnya berpuas hati dengan pengurusan sekatan perjalanan ke luar negara oleh LHDN. Namun begitu, PAC Parlimen berpendapat had tunggakan cukai tidak kurang daripada RM2,000 bagi individu bagi tujuan sekatan perjalanan ke luar negara yang dilaksanakan oleh LHDN adalah kurang sesuai dengan keadaan ekonomi semasa.

- 6) Berikutan itu, PAC Parlimen mengesyorkan kepada Kerajaan supaya:

- i) Kerajaan mengkaji semula had tunggakan cukai dinaikkan kepada RM10,000 untuk pembayar cukai individu dan RM50,000 untuk syarikat.
- ii) Sebelum sekatan dikenakan, LHDN perlu memastikan notis tunggakan cukai disampaikan kepada individu/syarikat mengikut undang-undang seperti yang diamalkan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

- iii) Sistem penyampaian LHDN perlu dinaiktaraf dengan menggunakan teknologi baru seperti sistem pesanan khidmat ringkas (SMS) / Whatsapps / Emel dalam menyampaikan peringatan (reminder) notis tunggakan cukai atau sekatan perjalanan ke luar negara.
 - iv) LHDN dan Jabatan Imigresen perlu memastikan pangkalan data mereka sentiasa dikemas kini supaya tidak berlaku kes pembayar cukai yang telah menjelaskan tunggakan cukai tetapi masih mengalami masalah semasa hendak ke luar negara.
- 7) Orang ramai yang berminat untuk membaca dan meneliti Laporan PAC berhubung Pengurusan Sekatan Perjalanan Ke Luar Negara di bawah Kementerian Kewangan (MoF) dan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) boleh memuat turun (download) laporan berkenaan di laman web PAC di alamat www.parlimen.gov.my/pac

Yang Berhormat Dato' Sri Hasan Arifin
Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara
Parlimen Malaysia